



**SURAT PEKELILING
JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA
BIL. 3 TAHUN 2014**

**Semua Ketua Jabatan Negeri,
MELAKA**

**TAMBAHAN PEGAWAI BAGI KUASA UNTUK
MENANDATANGANI KONTRAK BAGI PIHAK KERAJAAN NEGERI MELAKA**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan tambahan dua (2) orang pegawai bagi pemberian kuasa oleh Y.A.B Ketua Menteri Melaka iaitu Timbalan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri untuk menandatangani kontrak Kerajaan bagi pihak Kerajaan Negeri mengikut Seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan, 1949 (Akta 120) serta tatacara penyediaan dokumen kontrak.

LATAR BELAKANG

2. Y.A.B Ketua Menteri Melaka melalui surat rujukan PWN(M)005/1/3/JLD.VII (18) bertarikh 12 Mac, 2014 telah memberi kuasa di bawah Seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120) kepada pegawai-pegawai yang disebutkan jawatannya untuk menandatangani semua jenis kontrak yang disediakan oleh jabatan masing-masing bagi pihak Kerajaan Negeri, mengikut had harga kontrak yang ditetapkan seperti di dalam **Jadual 1**.

BIL.	PEGAWAI UNTUK MENANDATANGANI KONTRAK	HAD NILAI MENANDATANGANI KONTRAK (TIDAK MELEBIHI)	HAD KUASA MENANDATANGANI KONTRAK
1.	Timbalan Pegawai Kewangan Negeri	RM5,000,000.00	Menandatangani kontrak-kontrak Jabatan / Negeri
2.	Bendahari Negeri	RM5,000,000.00	Menandatangani kontrak-kontrak Jabatan / Negeri

Jadual 1

PELAKSANAAN

3. Penyediaan semua jenis dokumen kontrak oleh jabatan-jabatan hendaklah mematuhi Arahan Perbendaharaan 200.1, 204 dan 205. Pegawai-pegawai yang diberi kuasa menandatangani dokumen kontrak juga adalah bertanggungjawab memastikan tatacara pengurusan perolehan, peraturan kewangan yang berkuat kuasa dalam melaksanakan semua jenis kontrak kerajaan dipatuhi sepenuhnya sebelum ianya ditandatangani untuk melindungi kepentingan Kerajaan Negeri.

TARIKH KUAT KUASA


4. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 12 Mac, 2014 iaitu pada tarikh Surat Penurunan Kuasa Menandatangani Kontrak ini ditandatangani oleh Y.A.B Ketua Menteri Melaka seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3(1) Akta Kontrak Kerajaan, 1949 (Akta 120).

5. Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Pekeliling Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka Bil. 3 Tahun 2013 yang dikeluarkan pada 31 Mei, 2013.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II”
“BERKAT, TEPAT, CEPAT”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK ZAINAL BIN HUSSIN)

Pegawai Kewangan Negeri

MELAKA

Tarikh: 21 April 2014

s.k. YB Setiausaha Kerajaan Negeri

- Untuk makluman YB Datuk Wira



KERAJAAN NEGERI

MELAKA

JADUAL

(Seksyen 9)

AKTA KONTRAK KERAJAAN, 1949 (AKTA 120)

PEMBERIKUASAAN DI BAWAH SEKSYEN 3

Saya, Ketua Menteri Melaka dengan ini memberi kuasa pegawai-pegawai berikut untuk menandatangani bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, apa-apa kontrak (dalam Jabatan/Negeri), tertakluk kepada sekatan-sekatan yang dinyatakan di sebelah jawatan mereka itu.

BIL.	PEGAWAI UNTUK MENANDATANGANI KONTRAK	HAD NILAI MENANDATANGANI KONTRAK (TIDAK MELEBIHI)	HAD KUASA MENANDATANGANI KONTRAK
1.	Timbalan Pegawai Kewangan Negeri	RM5,000,000.00	Menandatangani kontrak-kontrak Jabatan / Negeri
2.	Bendahari Negeri	RM5,000,000.00	Menandatangani kontrak-kontrak Jabatan / Negeri

DATUK SERI IR HJ. IDRIS BIN HJ. HARON

Ketua Menteri Melaka

Tarikh : 12 Mac 2014

PWN(M)005/1/2/ JLD.VII (18)

Pemberian Kuasa Di Bawah Seksyen 3, Akta Kontrak Kerajaan 1949 Oleh Y.A.B. Ketua Menteri Melaka